

Platform pelajar ke menara gading

YAYASAN Dana Kebajikan Muslim Malaysia (YDKMM) mengambil inisiatif mewujudkan platform pendedahan prauniversiti kepada pelajar lepasan asasi dan matrikulasi seluruh negara menerusi penganjuran program Cabaran Belia Malaysia 2016 (MYC) baru-baru ini.

Program tiga hari yang bermula pada 15 hingga 17 April lalu itu telah dilaksanakan di Nur Laman Bestari, Ulu Yam, Selangor dan disertai 210 pelajar.

Pengarah MYC, Azri Jalil berkata, program tersebut bertujuan mendedahkan pelajar kepada kehidupan serta cabaran yang bakal ditempuhi ketika melanjutkan pelajaran ke peringkat universiti.

"Dalam masa yang sama, kami ingin memberi panduan kepada para pelajar tentang pemilihan kursus pengajian terbaik.

Selain itu, setiap aktiviti dilaksanakan berteraskan matlamat untuk membina keperibadian Muslim sejati dalam kalangan pelajar.

"Program ini bukan sahaja bermanfaat kepada peserta, malah kepada para pelajar yang juga menjadi sukarelawan MYC pada kali ini. Menerusinya, tali silaturahmi dapat dipertingkatkan dan diperluaskan," katanya.

Dalam pada itu, Azri memberitahu MYC turut bermatlamat untuk membina sifat-sifat kepimpinan dalam kalangan peserta. Katanya, perkara itu penting bagi melahirkan generasi berpendirian dan cemerlang untuk masa akan datang.

"Nilai-nilai ini dapat diterapkan menerusi pelantikan penghulu dan ketua kumpulan dalam kalangan mereka. Pelantikan tersebut melonjakkan keyakinan pelajar, sekali gus meningkatkan elemen kepimpinan yang tinggi

kepada peserta," katanya lagi.

MYC yang bertemakan *adventurous camp* turut disertai 60 ahli jawatankuasa yang juga merupakan penuntut-penuntut universiti tempatan seperti Universiti Malaya, Universiti Kebangsaan Malaysia, Universiti Putra Malaysia dan banyak lagi.

Program tahunan itu telah dilaksanakan dengan beberapa pembaharuan yang menerapkan konsep survival dan Islamik, sekali gus berjaya menarik minat ramai pelajar untuk turut serta.

Pelbagai aktiviti menarik dan lasak termasuk meredah hutan dan sesi perkongsian ilmu agama menjadi pengisian sepanjang berlangsungnya program tersebut.

MYC pada tahun ini turut menampilkan penyanyi tempatan, Tasha Manshahar yang juga Ikon MYC dan Ikon YDKMM. -AL FAIZAL



PROGRAM Cabaran Belia Malaysia mendedahkan peserta dengan pelbagai aktiviti mencabar fizikal dan mental.